



## PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA CAWANGAN SABAH

THE SCOUTS' ASSOCIATION OF MALAYSIA, SABAH BRANCH

P.O.Box 10351, 88803 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel / Fax : 088-219559



Ruj. : PPMCS(22)200/01/09-06  
Tarikh : 8 Julai 2009

Semua Pen. Pesuruhjaya Negeri Sabah  
Semua Pesuruhjaya Bahagian  
Semua Pesuruhjaya Kawasan  
Semua Pesuruhjaya Daerah  
SABAH

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### EKSPIDISI BERBASIKAL DARI KOTA MARUDU KE KOTA KINABALU SEMPERNA SAMBUTAN HARI PENGAKAP SEDUNIA DAN BULAN KEMERDEKAAN 2009

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Sabah (PPMCS) akan mengadakan Ekspidisi Berbasikal dari Kota Marudu ke Kota Kinabalu dari **1 hingga 2 Ogos 2009** sempena dengan sambutan Hari Pengakap Sedunia dan juga Bulan Kemerdekaan tahun ini.

Sehubungan itu PPMCS ingin menjemput semua ahli Pengakap ke Upacara Pengibaran Bendera tersebut dan semua Pengakap Remaja, Kelana, Pemimpin dan Pesuruhjaya yang berminat untuk menyertai Ekspedisi tersebut mengikut butir-butir yang berikut:

Tarikh & Masa : **1 hingga 2 Ogos** (Sabtu – Ahad) bermula jam 10.00 pagi. Rombongan Berbasikal bagaimanapun dikehendaki bersedia pada 31 Julai 2009 jam 5.00 petang di Kota Marudu.

Tempat : Ekspedisi Berbasikal akan bermula dari S.M.K. Kota Marudu II dan berakhir di Rumah B-P, Sembulan, Kota Kinabalu dengan bermalam di Kg. Sorob Kota Belud.

Yuran : RM15 termasuk lencana, makan-minum, sijil dan insuran

Kelayakan : Semua ahli Pengakap yang berdaftar sahaja. Bagi Ekspedisi Berbasikal, ia terbuka hanya kepada Pengakap Remaja, Kelana, Pemimpin dan Pesuruhjaya sahaja.

Program : Rombongan ekspedisi berbasikal akan dilepaskan pada 1 Ogos 2009 jam 10.00 pagi dari S.M.K Kota Marudu II sempena dengan acara Pelancaran Sihat Minda peringkat Pantai Barat Utara Sabah.

Peralatan : Basikal sendiri, peralatan basikal dan peralatan khemah

Disertakan bersama adalah Borang Penyertaan. Sila hubungi En. Ahmed Tariq Datuk Aripin di talian 019-8205898 untuk sebarang pertanyaan.

Ruj. : PPMCS(22)200/01/09-06  
Tarikh : 8 Julai 2009

Segala kerjasama yang diberikan amat kami hargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,  
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA CAW. SABAH



AHMED TARIQ DATUK ARIPEN  
Ketua Rombongan Ekspedisi  
Merangkap Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Program & Publisiti)

s.k. Datuk Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah



**EKPEDISI BERBASIKAL KOTA MARUDU-KOTA  
KINABALU SEMPENA SAMBUTAN HARI  
PENGAKAP DAN BULAN KEMERDEKAAN 2009  
1-2 OGOS 2009**

Gambar  
ukuran paspot  
2 keping

**BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN AKTIVITI**

Tarikh tutup permohonan : **24 JULAI 2009**

**BUTIR-BUTIR PESERTA**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ No K/P : \_\_\_\_\_

Alamat Penuh : \_\_\_\_\_

Warganegara : \_\_\_\_\_ Agama : \_\_\_\_\_

No. Kumpulan : \_\_\_\_\_ Sekolah : \_\_\_\_\_

Daerah : \_\_\_\_\_ Jawatan dalam Pengakap : \_\_\_\_\_

Allergi/Kelemahan : \_\_\_\_\_

**KEBENARAN IBUBAPA/PENJAGA (Bagi mereka yang masih dibawah jagaan)**

Saya \_\_\_\_\_ no.K/P \_\_\_\_\_  
dengan ini membenarkan anak/jagaan saya \_\_\_\_\_  
menyertai aktiviti ini seperti tarikh dan tempat yang telah ditetapkan. Sehubungan itu saya  
percaya bahawa pihak penganjur telah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi  
menjamin keselamatan anak/jagaan saya dan sekiranya berlaku sesuatu kemalangan saya tidak  
akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak penganjur.

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan Ibubapa/penjaga : \_\_\_\_\_

No. Tel : \_\_\_\_\_

**PENGESAHAN PEMIMPIN KUMPULAN**

Saya sahkan dan menyokong penyertaan ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh  
Persekutuan Pengakap Malaysia

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pemimpin : \_\_\_\_\_

**UNTUK PENGESAHAN PESURUHJAYA PENGAKAP DAERAH**

Saya mengesahkan penerimaan penyertaan peserta ini dengan memenuhi syarat-syarat yang  
telah ditetapkan.

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

**URUSETIA**

Borang diterima pada \_\_\_\_\_ dengan yuran RM15.00. Tandatangan : \_\_\_\_\_